

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : MAJLIS MALAM KUALITI SIRIM-INDUSTRI  
Lokasi : HOTEL SHANGRI-LA  
Tarikh : 15-01-1993

Penyelidikan dan pembangunan merupakan aktiviti yang penting ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Oleh itu persoalan yang perlu difikirkan oleh para penyelidik di negara ini ialah, bagaimana kita boleh membentuk suatu suasana pekerjaan, pendidikan dan cara hidup yang berorientasikan penyelidikan? Apakah keperluan-keperluan penyelidikan pembangunan yang perlu digaris dan diikuti supaya setiap hasil penyelidikan dapat membawa manfaat ke arah pembangunan? Intipati penyelidikan dan pembangunan ialah pembaikan yang terus-menerus dalam pengurusan sumber manusia dan bahan ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti. Oleh itu skop aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh sesebuah agensi haruslah bergantung falsafah, polisi dan objektif yang jelas, misalnya untuk meningkatkan kualiti barangan, meninggikan life-span atau tempoh boleh guna barangan dan meninggikan pulangan daripada satu unit kos yang digunakan.

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Y.B. Datuk Law Hieng Ding, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di Majlis kita pada malam ini, dan saya selaku Pengerusi Majlis SIRIM ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sudi bersama-sama kita untuk menyampaikan anugerah-anugerah kejayaan kualiti kepada pekilang-pekilang sempena Majlis tahunan ini.

Seperti tahun-tahun yang lalu, Majlis Malam Kualiti SIRIM- Industri adalah untuk meraikan pengusaha-pengusaha dan pekilang- pekilang tempatan yang telah berjaya memasuki skim-skim pengesanan kualiti pada tahun 1992 berdasarkan standard-standard tertentu. Sebagaimana kita maklum, keadaan pasaran dan perdagangan pada masa ini kian hari menjadi semakin kompetitif. Maka dengan itu, bagi syarikat-syarikat kita, strategi korporat untuk bersaing perlu ditumpukan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan pengeluaran, penghasilan perkhidmatan atau produk yang berkualiti tinggi yang bersesuaian dengan permintaan pengguna.

SIRIM telah mengambil berbagai langkah untuk mempertingkatkan usaha-usaha membantu perkembangan industri melalui program-program teknologi perindustrian dan kualiti. Sebagai contoh, penggunaan teknologi termaju dalam proses rekabentuk, pengeluaran dan kejuruteraan akan dapat mempertingkatkan kecekapan pengeluaran, produktiviti, mengurangkan kos pengeluaran di samping menghasilkan produk yang kualitinya tinggi dan konsisten. Saya penuh yakin bahawa kunci kepada persaingan industri dan negara kita di dalam pasaran yang kini penuh dengan cabaran adalah penguasaan teknologi. SIRIM sebagai institusi kebangsaan dalam bidang teknologi dan standardisasi bagi bidang perindustrian mempunyai peranan besar dalam menggunakan teknologi untuk mencapai kualiti, bagi meraih keuntungan untuk negara turning technology into quality into profit for the nation! Bersesuaian dengan usaha-usaha Kerajaan menggalakkan barangan-barangan buatan di negara ini agar mendapat tempat di pasaran antarabangsa, SIRIM sedang melaksanakan berbagai langkah ke arah mencapai matlamat ini. SIRIM telah mengambil langkah- langkah untuk memastikan skim-skim pengesanan kualiti yang terdapat di SIRIM adalah skim-skim bertaraf antarabangsa. Pegawai- pegawai yang menjalankan tugas-tugas pemeriksaan dan penilaian untuk skim-skim ini adalah bertauliah dan berpengalaman. Dari masa ke semasa, skim-skim kualiti tersebut dinilai oleh badan-badan pengesanan luar negeri dari negara-negara maju.

Memandangkan taraf dan keupayaan skim-skim pengesanan kualiti negara ini sangat baik, maka terdapat banyak badan-badan pengesanan luar negeri memberi kepercayaan dan sanggup mengadakan kerjasama teknikal dalam bidang pengesanan dengan SIRIM. Sehingga kini, pengiktirafan dengan beberapa negara yang penting kepada perkembangan perdagangan negara ini telah pun diperolehi. Ini adalah sebagai ukuran bahawa skim-skim kualiti tersebut dan sijil-sijil yang dikeluarkan mempunyai integriti yang tinggi di pasaran antarabangsa.

Oleh kerana ucapan ini merupakan ucapan saya yang pertama pada Majlis seperti ini sejak saya dilantik sebagai Pengerusi Majlis SIRIM pada 1 April tahun lalu, izinkan saya menyentuh sedikit tentang

perkembangan SIRIM sebagai sebuah organisasi. Kerajaan telah memberi persetujuan bahawa mulai 1 Januari 1993, struktur SIRIM disusun semula demi membolehkan SIRIM memberi tumpuan yang lebih jelas kepada ketiga-tiga program teknikal yang utama iaitu, pertama: Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi, kedua: Standard dan Kualiti dan ketiga: Perkhidmatan Teknikal. Aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan teknologi telah disusun semula selaras dengan usaha untuk memperluaskan serta memberi tekanan yang lebih khusus kepada aktiviti penyelidikan secara kontrak. Kini Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi SIRIM mengandungi hanya empat Pusat Teknologi iaitu Pusat Teknologi Pembuatan Termaju, Pusat Teknologi Bahan, Pusat Pembangunan Mesin dan Produk, dan Pusat Teknologi Kimia dan Bioteknologi. Sementara itu, walaupun pada asasnya struktur serta tugas-tugas utama Bahagian Standard & Kualiti dan Bahagian Perkhidmatan Teknikal adalah tidak berubah, namun penyusunan semula ini telah juga mencorakkan struktur kedua-dua bahagian ini agar lebih kemas dan jelas. Saya berharap dengan penyusunan semula ini, perkhidmatan yang disediakan oleh SIRIM kepada industri, sama ada penyelidikan dan pembangunan teknologi, standard dan program-program kualiti, perkhidmatan teknikal seperti pengujian, tentukan (calibration), perkhidmatan maklumat, bimbingan teknologi dan sebagainya akan menjadi lebih kemas dan berkesan, dapat disalurkan dengan cepat dan tepat kepada semua pihak-pihak yang memerlukannya.

Selaras dengan penyusunan semula ini, saya ingin mengumumkan bahawa Yang Berhormat Menteri, Datuk Law Hieng Ding, telah memberi persetujuan kepada perlantikan serta kenaikan pangkat barisan pengarah-pengarah SIRIM berkuatkuasa mulai esok, iaitu 16 Januari 1993 :

- (i) Pengarah Bahagian Standard dan Kualiti - Encik Lam Teng Chee;
- (ii) Pengarah Perkhidmatan Teknikal - Dr. Ong Khong Seng;
- (iii) Pengarah Perkhidmatan Korporat - Tuan Haji Abdul Aziz bin Manan; dan
- (iv) Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan - Dr. Chong Chok Ngee.

Kita ucapkan tahniah kepada mereka dan berharap mereka akan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan itu dengan penuh tekun demi kemajuan SIRIM dan pembangunan negara.

Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, dan berbalik kepada acara utama majlis kita pada malam ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua syarikat yang telah berjaya memasuki skim-skim pengesahan kualiti SIRIM sepanjang tahun 1992, iaitu Skim Pengesahan Kualiti dan Keselamatan Produk, Skim Pendaftaran Sistem Kualiti mengikut ISO9000, Skim Akreditasi Makmal dan Skim Amalan Peningkatan Kualiti. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ketujuh-tujuh penerima Sijil Penghargaan kerana usaha-usaha mereka bertungkus-lumus, menyumbangkan masa dan tenaga untuk aktiviti pembangunan standard kebangsaan negara kita. Akhir sekali, saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada semua pihak, terutama sekali kepada pelanggan-pelanggan SIRIM, di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang tahun lalu dalam menjayakan aktiviti-aktiviti SIRIM.